

APAKAH ITU KEGANASAN KELUARGA?

Keganasan keluarga adalah sebarang tingkah laku yang ganas, mengugut atau memaksa secara emosi/psikologi yang berlaku dalam keluarga.

Ini termasuk:

- Kecederaan fizikal
- Ugutan secara langsung
- Serangan seksual
- Tindakan yang menyebabkan tekanan emosi atau psikologi (*contoh dipaksa untuk mengelakkan diri daripada rakan dan keluarga atau sebarang tingkah laku yang menyebabkan seseorang hidup dalam ketakutan*)
- Kerosakan kepada harta benda
- Disekat secara paksa



Jenis-Jenis Perlindungan Undang-undang

Anda boleh memohon perlindungan undang-undang daripada Mahkamah Keadilan Keluarga (FJC) melalui www.judiciary.gov.sg/services/ifams



PERINTAH PERLINDUNGAN PERIBADI (PPO)

Menghalang responden daripada melakukan keganasan keluarga



PERINTAH DIPERCEPATKAN (EO)

Perintah mahkamah sementara sebelum PPO sementara dikeluarkan sekiranya terdapat bahaya keganasan yang akan berlaku



PERINTAH DIHALANG MASUK (DEO)

Menghalang masuk atau membataskan responden dari memasuki keseluruhan atau sebahagian daripada kediaman pemohon

Soalan-Soalan Lazim:

S1 PPO boleh melindungi saya daripada apa?

Ia boleh melindungi anda daripada ahli keluarga

S2 Bagaimanakah cara untuk saya membuat permohonan?


Hubungi mana-mana Pusat Pakar Perlindungan atau Mahkamah Keadilan Keluarga

S3 Berapa lamakah masa yang diambil untuk mendapatkan PPO?

Ia boleh mengambil masa 1 hingga 3 bulan dari tarikh permohonan. EO mungkin dikeluarkan lebih awal.



**SINGAPORE
POLICE FORCE**
SAFEGUARDING EVERY DAY



Imbas Kod QR dan ketahui lebih lanjut tentang bagaimana anda boleh melindungi keselamatan anda di Laman Web 'Break the Silence'

DI MANA SAYA BOLEH DAPATKAN BANTUAN?

Talian Bantuan Anti Keganasan & Gangguan Seksual Kebangsaan (NAVH)



UNTUK MELAPORKAN KES KEGANASAN ATAU PENDERAAN:

Hubungi NAVH di 1800-777-0000; atau buat laporan dalam talian melalui Borang Pelaporan NAVH: <https://go.gov.sg/navh>

Sekiranya terdapat bahaya yang akan berlaku kepada nyawa dan keselamatan anda/mangsa, **hubungi Polis** di **talian 999** atau **SMS 71999** untuk bantuan segera.



Imbas kod QR di atas untuk Borang Pelaporan NAVH

Pusat Khidmat Keluarga (FSC)



FSC merupakan khidmat sosial berasaskan masyarakat yang menawarkan pelbagai perkhidmatan sokongan sosial untuk orang ramai. Ia boleh membantu masalah kewangan, keibubapaan, rumah tangga, keluarga atau peribadi.

Sesiapa sahaja – tidak kira umur, bangsa, bahasa atau agama – boleh mendapatkan bantuan di FSC. Terdapat 48 FSC di serata Singapura, yang dikendalikan oleh agensi perkhidmatan sosial.

Cari FSC yang terdekat dengan anda -

<https://www.msf.gov.sg/our-services/directories>



Imbas kod QR di atas untuk mencari FSC yang terdekat dengan anda

Pusat Pakar Perlindungan (PSC)




PSC menyediakan sokongan sosial dan emosi untuk klien yang mengalami semua bentuk keganasan, termasuk keganasan rumah tangga dan keganasan seksual. Dua PSC di Singapura ialah Pusat TRANS SAFE dan Projek StART oleh Care Corner.

Anda juga boleh menghubungi Perkhidmatan Bersepadu PAVE untuk Pusat Pakar Perlindungan Individu dan Keluarga (ISIFPSC), khidmat berasaskan masyarakat bersepadu sehenti untuk individu dan keluarga yang mengalami keganasan.



**SINGAPORE
POLICE FORCE**
SAFEGUARDING EVERY DAY



Imbas Kod QR dan ketahui lebih lanjut tentang bagaimana anda boleh melindungi keselamatan anda di Laman Web 'Break the Silence'

DI MANA SAYA BOLEH DAPATKAN BANTUAN?

Pusat Keadilan Masyarakat



Pegum dari Pusat Keadilan Masyarakat (CJC) akan memudahkan rundingan antara pasangan yang bercerai bagi hal-hal seperti hak penjagaan anak dan pembahagian harta sepencarian untuk memfailkan perceraian yang tidak ditandingi.

INGIN DAPATKAN BANTUAN KEWANGAN?

Pejabat Khidmat Sosial (SSO) akan mentadbirkan bantuan kewangan ComCare dan menilai kelayakan anda untuk menerima bantuan

Talian Penting ComCare: 1800 222 0000

Bantuan Sementara ComCare



Menyediakan bantuan kewangan segera untuk individu atau keluarga berpendapatan rendah yang memerlukan bantuan kewangan segera dan sementara.

Buat permohonan di Pejabat Khidmat Sosial, Balai Rakyat atau Pusat Khidmat Keluarga

Bantuan Jangka Pendek hingga Sederhana (SMTA) ComCare



Menyediakan bantuan kewangan sementara untuk individu atau keluarga berpendapatan rendah yang tidak boleh bekerja buat sementara waktu, sedang mencari pekerjaan atau berpendapatan rendah dan memerlukan bantuan.

- **Dalam talian melalui SupportGoWhere**
(<https://supportgowhere.gov.sg/grants/smta>)
- Sebagai alternatif, **lawati Pejabat Khidmat Sosial yang terdekat** dengan anda untuk memohon secara peribadi



**SINGAPORE
POLICE FORCE**
SAFEGUARDING EVERY DAY

Ketahui lebih lanjut di <https://supportgowhere.life.gov.sg>

INGIN DAPATKAN BANTUAN LAIN?

MENYOKONG ANAK ATAU REMAJA YANG BERMASALAH TINGKAH LAKU

Saringan Perintah Bimbingan Keluarga



Ibu bapa boleh memohon bantuan Mahkamah Belia untuk mengeluarkan 'Perintah Bimbingan Keluarga' (FGO) untuk anak/belia mereka, yang berumur di bawah 16 tahun dan mempamerkan cabaran tingkah laku yang serius. Sebelum memohon FGO, ibu bapa harus terlebih dahulu mengaturkan temu janji untuk menjalani saringan Pra-FGO dengan salah satu agensi yang dilantik berikut:

- **PERSATUAN KANAK-KANAK SINGAPURA**
6273 2010
www.childrensociety.org.sg
- **KHIDMAT MASYARAKAT EPWORTH**
6562 2211
www.epworth.sg

MENDAPATKAN BANTUAN UNTUK WARGA EMAS DAN DEMENSIA

Agensi Penjagaan Bersepadu (AIC)



AIC membantu menghubungkan bantuan dan sumber kewangan yang relevan kepada penjaga bagi individu yang menghidap demensia atau masalah kesihatan mental

- **TALIAN PENTING AGENSI PENJAGAAN BERSEPADU**
1800-650-6060
www.aic.sg

MENDAPATKAN BANTUAN DENGAN AUTISME

Pusat Sumber Autisme (ARC)



ARC membantu individu yang menghidap autisme memaksimumkan potensi mereka dalam kehidupan melalui penyediaan perkhidmatan dalam pendidikan, pekerjaan dan pemerkasaan penjaga keluarga/profesional

- **PUSAT SUMBER AUTISME**
6323 3258
www.autism.org.sg



**SINGAPORE
POLICE FORCE**
SAFEGUARDING EVERY DAY

Ketahui lebih lanjut di <https://supportgowhere.life.gov.sg>